



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia  
Tahun 2023

**Bahasa Melayu  
Kertas 2**

**1103/2**



**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	1103/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam 30 minit

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas 2 mengandungi 3 bahagian iaitu **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**. Semua soalan wajib dijawab.

**Bahagian A** : Mengandungi 5 soalan (35 markah).

**Bahagian B** : Mengandungi 3 soalan (35 markah).

**Bahagian C** : Mengandungi 1 soalan (30 markah).

**2.0 PRESTASI CALON****2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A****2.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat menguasai aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard dan peribahasa dengan baik mengikut peraturan pemarkahan yang diberi.

**2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A, calon menguasai tatabahasa aspek morfologi dan sintaksis. Selain itu, calon juga dapat menyunting sebahagian besar kesalahan bahasa dalam teks. Terdapat calon yang dapat menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan tepat. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab soalan dengan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A, calon menguasai aspek morfologi dan sintaksis tetapi melakukan sedikit kesalahan tatabahasa. Selain itu, calon juga masih dapat menyunting kesalahan bahasa dalam teks. Calon dapat menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan baik tetapi terdapat beberapa kosa kata klasik yang dikekalkan. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab sebahagian daripada soalan dengan tepat.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1: Morfologi

- 1 *Baca dialog di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata ganda. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata ganda tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Noraini : Selamat pagi, cikgu.

Cikgu : Selamat pagi, Noraini. Apa tujuan kamu datang jauh-jauh ke rumah cikgu? Silalah masuk.

Noraini : Tak jauhlah cikgu. Sementara saya terburu-buru balik dan tidak sempat hendak mengucapkan terima kasih kepada cikgu kerana mendidik saya sehingga saya memperoleh keputusan yang cemerlang.

Cikgu : Tahniah Noraini. Kamu memang layak mendapat keputusan itu. Susah payah kamu dalam menuntut ilmu selama ini sudah terbalas.

Noraini : Semuanya atas didikan cikgu juga. Keputusan ini satu hadiah yang tak disangka-sangka.

Cikgu : Cikgu hanya menjalankan tugas cikgu sebagai seorang guru. Cikgu juga gembira dengan pencapaian kamu.

Noraini : Terima kasih sekali lagi. Ini ada sedikit buah tangan untuk cikgu. Kuih-muih ini saya sendiri yang buat.

Calon perlu mengenal pasti dan menyenaraikan **empat kata ganda**. Kemudian calon juga dikehendaki membina **satu ayat sendiri** daripada setiap **kata nama ganda** tersebut. Calon tidak boleh menambah imbuhan, menggugurkan dan menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Empat kata ganda

- (1) jauh-jauh
- (2) terburu-buru
- (3) disangka-sangka
- (4) kuah-murah

Bindan Ayat

- (1) jauh-jauh

Sara datang jauh-jauh dari Australia ke Malaysia untuk bertemu dengan sahabat penanya.

- (2) terburu-buru

Ibu terburu-buru pergi ke hospital setelah mendapat tahu bahawa sahabat baiknya terlibat <sup>dalam</sup> kemalangan jalan raya.

- (3) disangka-sangka

Kadiah cabutan bertuah yang lumayan itu tidak disangka-sangka akan menjadi milik ibu

Calon memberikan jawapan yang menepati tugasan soalan. Calon berjaya membina ayat yang gramatis dan menunjukkan maksud perkataan yang diuji.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

1) Jauh - jauh

= preferensi daduk di atas meja

= Rumah Ahmad sangatlah jauh-jauh Sampai kita penat nak sampai dekat rumah Ahmad.

2) Terburu-buru

= Atm Mursyid berlari terburu-buru apabila melihat ular di depannya.

3) Disangka - Sangka

= Anugerah yang Ahmad dimiliki itu tak disangka-sangka cantik benaranya.

4) Icuin - muin

= Saya pergi beraya di rumah p-izah izzah lalu saya hampak pelbagai icuin-muin yang banyak di setakam.

Calon hanya menyenaraikan dua perkataan yang diuji dan membina ayat dengan betul.

## Soalan 2: Sintaksis

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat pasif yang bergaris kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

Fobia bukanlah perasaan yang sengaja dibuat-buat. Fobia boleh disebabkan oleh rasa ketakutan yang amat sangat akan sesuatu. Contoh fobia adalah seperti takut darah, takut air dan takut pada ketinggian. Hakikatnya, fobia merupakan masalah yang mampu dirawat. Beberapa sesi kaunseling diperlukan oleh penderita fobia sebelum penyakit berjaya disembuhkan. Peranan pelbagai pihak juga sangat penting untuk menangani masalah ini. Sebagai ahli keluarga, penderita fobia perlu kita bantu. Hal ini dikatakan demikian kerana sokongan dan dorongan ahli keluarga penting dalam proses penyembuhan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Neurosis Derita dalam Diam'  
oleh Rehanah Mohd. Zain,  
*Dewan Kosmik*, Bil. 5/2015

Calon dikehendaki untuk menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (2) 1) rasa ketakutan yang amat sangat akan sesuatu  
boleh menyebabkan fobia
- 2) penderita fobia memerlukan beberapa sesi kaunseling  
sebelum penyakit berjaya disembuhkan.
- 3) Kita perlu membantu penderita fobia senangai  
sebagai ahli keluarga.  
Sebagai ahli keluarga, kita perlu membantu  
penderita fobia.

Calon menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif dengan menepati proses transformasi ayat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- |      |                                                                                          |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| i)   | Kasa ketakutan boleh menyebabkan fobia yang amat sangat akan resatu.                     |
| ii)  | Penderita fobia memerlukan beberapa sesi kaunseling sebelum penyakit berjaya diembuhkan. |
| iii) | Kita perlu membantu penderita fobia sebagai ahli keluarga.                               |

Calon dapat menjawab dua daripada tiga soalan sahaja dengan betul tetapi belum menguasai struktur ayat pasif Kata Ganti Nama Diri.

### Soalan 3: Penyuntingan

- 3 Baca kenyataan tawaran dengan teliti. Knyataan tawaran tersebut mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin kenyataan tawaran tersebut.

KENYATAAN TAWARAN	
Nama Sekolah:	SMK DATO' SERI PERKASA
Alamat:	PERSIARAN BESTARI, TAMAN SERI PERKASA 36700 TELUK INTAN, PERAK
Kod Sebut Harga:	SHKS/SMKDSP
Rujukan:	JPNPk.013-306/008(2)
Tarikh:	4/6/2022
<b>TAWARAN SEBUT HARGA BAGI KANTIN SEKOLAH SMK DATO' SERI PERKASA</b>	
1. Tawaran dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berminat untuk mengambil kantin sekolah ini bagi tempoh mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024 (24 bulan).	
2. Sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan bertanda 'SEBUT HARGA KANTIN SMK DATO' SERI PERKASA' di bahagian atas penjuru belah kiri. Semua permohonan berkaitan dengan tawaran ini hendaklah sampai ke Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perak pada atau sebelum 30 September 2022 pukul 12.00 tengahari.	
3. Setiap sebut harga hendaklah menyertakan wang cagaran sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia; Lima Ratus Sahaja) dalam bentuk kiriman wang/wang pos/deraf bank atas nama PENGETUA, SMK DATO' SERI PERKASA. Permohonan tanpa wang cagaran tidak akan dilayan dan dipertimbangkan. Wang cagaran akan dikembalikan semula kepada para pemohon-pemohon yang tidak berjaya.	
4. Borang-borang serta lain-lain dokumen yang berkaitan boleh didapat di Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dari 1 Julai hingga 31 Julai 2022 pada waktu pejabat secara percuma.	
Jumlah anggaran murid dan guru bagi tahun 2023 adalah seperti berikut: Jumlah Murid: 520 orang Jumlah Guru: 24 orang	
Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.	
Pengetua SMK Dato' Seri Perkasa Di alamat Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Negeri Perak	

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Contoh Format Sebut Harga Kantin'  
[www.academia.edu](http://www.academia.edu)

Calon dikehendaki untuk **mengenal pasti, menyenaraikan pelbagai kesalahan bahasa** dan **membetulkan** kesalahan-kesalahan tersebut. Calon tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Kesalahan	Pembetulan
1. dipelawa daripada	dipelawa kepada
2. menyertakan	disertakan
3. deraf	draf
4. para pemohon - pemohon	para pemohon
5. lain-lain dokumen	dokumen-dokumen lain
6. bagi untuk	bagi
7. muktamad	muktamad
8. dalam	di dalam
9. mengambil	mengambil alih

Calon menyenaraikan tujuh kesalahan dan membetulkannya.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

3. belah → sebelah
Sampai → disampaikan
tengahori → tengah hari
kiriman wang → <del>wang</del> kiriman
<del>para</del> para pemohon - pemohon → para pemohon
lain-lain dokumen → dokumen - dokumen lain
dari → daripada
bagi untuk → bagi
menyertakan → menyertakan

Calon hanya dapat menyenaraikan dan membetulkan lima daripada sembilan kesalahan.

#### Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

4. Baca perikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula perikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka ada scorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon perlu **menulis semula prosa klasik kepada bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

④ Terdapat seorang penduduk Kelang yang mengatakan bawanya dirinya sedikit draniaya oleh Tun Perak. Lalu penduduk Kelang tersebut mengangkat sembah ke bawah duli baginda baginda bertitah kepada bentara Seri Amerta agar memanggil Tun Perak \_\_\_\_\_. Tun Perak pun datang menghadap. Lalu, Seri Amerta berkata kepada Tun Perak 'orang ini telah mengadukan masalahnya ke bawah Duli Yang Dipertuan dan mengatakan dirinya draniaya oleh Tun Perak.'

Calon menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan isi yang cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa minimum. Calon juga menggunakan tanda baca dengan betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Searang Kelang mengatakan ~~diri~~ diri teraniaya oleh Tun Perak uredihit. Orang Kelang datang bersembah ke bawah duli baginda. Baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerita dan menyuruh berkata kepada Tun Perak. Tun Perak datang ~~menghadap~~ menghadap. Seri Amerita berkata kepada Tun Perak, "Orang ini ialah Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan diri teraniaya oleh Tun Perak."

Calon masih dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Calon masih dapat mengemukakan isi yang cukup, mengikut urutan tetapi ayat kurang gramatis.

### Soalan 5: Peribahasa

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian beri maksud peribahasa tersebut.

Adib diberhentikan kerja kerana syarikat tempat Adib bekerja telah mengambil langkah untuk mengurangkan kakitangan akibat prestasi syarikat yang kurang memberangsangkan. Kini, keadaan hidup Adib silih berganti bagai ombak di tepi pantai. Adib terpaksa untuk mencari kerja baharu bagi menampung kos hidup keluarganya. Adib perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana siapa menjala siapa terjun. Walaupun Adib hanya ditawarkan pekerjaan sebagai pembantu kedai, namun Adib tetap menerimainya. Adib berpendapat bahawa tidak salah menerima pekerjaan itu sementara mendapat tawaran kerja yang lebih baik kerana tiada rotan akar pun berguna.

Calon dikehendaki untuk **menyenaraikan tiga peribahasa** yang terdapat dalam petikan dan kemudian memberikan maksud peribahasa tersebut.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

1. bagai ombak di tepi pantai

Maksud : keadaan yang tidak menentu, sentiasa berubah.

2. siapa menjala siapa terjun

Maksud : seseorang yang berusaha perlu bertanggungjawab akan memperoleh kejayaan.

3. tiada rotan akar pun berguna

Maksud : memanfaatkan perkara lain sekiranya apa yang dirancang masih belum tercapai.

Calon dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan dan dapat memberikan maksudnya dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

bagaikan ambak di tepi pantai keadaan hidupan yang silih bergeriti  
Siapa maju siapa terjuri hanya orang yang bersabda dengan bersungguh-sungguh  
atau lebih berupaya boleh mendapatkan jawatan atau kerja  
Tiada rotan akar pun beguna: Nakupun tiada benda yang terbaik tetapi ada benda  
yang boleh digunakan sebagai pengintian

Calon hanya dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan dan tidak memberikan maksud.

## **2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A**

### **2.3.1 Calon**

- a) Menguasai semua kemahiran tatabahasa bahasa Melayu.
- b) Menjadikan Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, kamus peribahasa, kamus prosa tradisional dan glosari prosa tradisional Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai bahan rujukan.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam internet.
- d) Memahami dan menguasai maksud prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).

### **2.3.2 Guru**

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Mengikuti perkembangan kosa kata dan tatabahasa terkini.
- c) Menjadikan buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan sebagai Bahan Bantuan Mengajar wajib di dalam kelas.
- d) Memberikan penekanan terhadap turutan kemahiran tatabahasa seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- e) Memberi penekanan teks prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).
- f) Menguasai tema dan kemahiran yang terdapat dalam DSKP.
- g) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

### **3.0 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

#### **3.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Calon dapat menjawab soalan bahagian B pada tahap baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan maksud rangkai kata dan soalan pemahaman berdasarkan petikan dengan cemerlang. Sebahagian calon dapat menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan isi yang cukup dan gramatis.

#### **3.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat memberikan jawapan dengan tepat, jelas dan menepati kehendak soalan termasuk soalan KBAT. Jawapan calon cukup dan gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan cemerlang.

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Jawapan calon tidak cukup tetapi masih gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan baik.

### 3.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

#### Soalan 6

##### Bahan 1

Pada era serba moden dan canggih ini, semakin banyak peralatan teknologi baru yang muncul. Situasi ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Peralatan teknologi yang paling *cepat berkembang* ialah telefon pintar. Antara golongan yang mudah terpengaruh untuk memiliki telefon pintar ialah murid. Tanpa disedari, mereka sanggup melakukan pembaziran wang ringgit demi kelihatan bergaya.

Telefon pintar juga boleh menyebabkan mereka ketagihan atau *nomophobia*, iaitu takut hidup tanpa telefon pintar. Masalah ini perlu ditangani segera kerana keasyikan menggunakan telefon pintar boleh menyebabkan murid mengalami masalah kesihatan mata pada peringkat usia yang terlalu muda.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Ancaman dan Alat Teknologi kepada Masyarakat'  
oleh Nur Farzana Zuljaini,  
*Dewan Siswa*, Bil. 12/2018

*Dewan Siswa*, Bil. 12/2018

##### Bahan 2

#### MEMO

Kepada: Semua ibu bapa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kalebang  
Daripada: Pengetua  
Rujukan Kami: Bil. (04) dlm. SMKSK 05/08/005  
Tarikh: 05/01/2022  
Salinan Kepada: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

#### LARANGAN MEMBAWA TELEFON BIMBIT KE SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah membuat keputusan, semua murid tidak dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah. Rasionalnya larangan ini berikutan kes kecurian telefon bimbit semakin berleluasa dalam kalangan murid. Kes kecurian ini sering berlaku kerana murid berlumba-lumba dengan rakan sebaya untuk menggunakan alat teknologi yang lebih canggih dan terkini.

3. Kepelbagaiannya aplikasi yang terdapat di dalam telefon bimbit juga sering disalahgunakan. Aplikasi seperti permainan dan penstriman video telah meningkatkan salah laku murid.

Terima kasih diucapkan atas perhatian dan kerjasama yang diberikan. Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

*Amanshah*  
(AMANSHAH BIN RAZALI)  
Pengetua

### Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *cepat berkembang*.

Calon perlu **memberikan maksud rangkai kata** *cepat berkembang* dengan betul dan gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

*(i) Berdasarkan Bahan 1, maksud rangkai kata cepat berkembang*

*ialah pantas maju*

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi maksud rangkai kata yang diuji.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

*berdasarkan Bahan 1, maksud rangkai kata cepat berkembang ialah <sup>pantas</sup> berkembang.*

Calon hanya memberikan sebahagian maksud frasa yang diuji secara literal.

- (ii) Dengan merujuk semua bahan, nyatakan kesan-kesan penggunaan telefon pintar dan telefon bimbit dalam kalangan murid.

Calon perlu memberikan **sekurang-kurangnya satu kesan penggunaan telefon pintar** daripada semua bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Berdasarkan Bahan 1, kesan-kesan penggunaan telefon pintar dan telefon bimbit dalam kalangan murid ialah mereka menyebabkan mereka ketagihan atau nomophobia, iaitu takut hidup tanpa telefon pintar. Mereka sanggup melakukan pemboziran wajah ringan demi kehijauan bergaya. Berdasarkan Bahan 2, kesan-kesan penggunaan telefon pintar dan telefon bimbit dalam kalangan murid ialah aplikasi seperti permainan dan penstriman video telah meningkatkan salah laku murid. Berdasarkan Bahan 3, kesan-kesan penggunaan telefon pintar dan telefon bimbit dalam kalangan murid ialah murid-murid tidak boleh fokus belajar akibat telefon yang bising.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Antara golongan yang mudah terpengaruh untuk memiliki telefon pintar ialah murid. Telefon pintar juga boleh menyebabkan mereka ketagihan atau nomophobia, iaitu takut hidup tanpa telefon pintar.

Calon tidak memberikan isi yang cukup berdasarkan semua bahan namun ayat masih gramatis.

### Soalan 6 (iii)

- (iii) Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengawal anak-anak mereka dalam penggunaan telefon pintar agar tidak berlaku sebarang penyalahgunaan.

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan telefon pintar tersebut?

Calon perlu **menyatakan peranan ibu bapa** dalam mengawal penggunaan telefon pintar.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada iendapat saya, peranan-peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan telefon pintar tersebut ialah ibu bapa perlulah mengawal masa terhadap ~~anak-anak~~ menggunakan telefon pintar selanjutnya, ibu bapa haruslah mengajar anak-anak tentang kebaikan dan ~~keburukan~~ keburukan penggunaan telefon pintar. Di samping itu, ibu bapa juga ~~masih~~ masihlah memberi nasihat jika anak-anaknya, ketagihan penggunaan ~~telefon~~ pintar <sup>mengalami masalah</sup>.

Calon dapat memberikan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Peranan-peranan ibu bapa adalah membuat sesuatu peraturan untuk mengawal masa menggunakan telefon pintar. Selain itu, membuat satu jadual dan memberi hukuman semasa menggunakan telefon pintar dengan masa yang panjang.

Calon memberikan hanya satu jawapan tepat dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Soalan 6 (iv)

- (iv) Anda mendapati bahawa seorang rakan anda mengalami masalah ketagihan bermain permainan video. Dia sering menghabiskan masa berjam-jam dan tidur lewat malam sehingga menjadikan rutin hariannya.

Sebagai seorang sahabat yang prihatin, cadangkan cara-cara yang boleh anda ambil untuk membantu rakan anda itu agar membuang tabiat buruknya. [4 markah]

Calon perlu **memberikan cadangan cara-cara** yang boleh diambil untuk membantu rakan agar membuang tabiat buruk.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iv) Sebagai seorang sahabat yang prihatin, cara-cara yang boleh saya ambil untuk membantu rakan saya itu agar membuang tabiat buruknya termasuklah saya akan memberitahu ibu bapa rakan saya supaya mereka dapat mengawal penggunaan telefon bimbit rakan saya. Selain itu, saya akan membawanya untuk berjumpa dengan guru konseling agar dia mendapat bimbingan dan sokongan untuk menangani masalah ketagihannya. Di samping itu, saya akan membawanya untuk melatihkan aktiviti berlari semasa waktulapang dengan menjalankan aktiviti sukan seperti berjogging dan bermain badminton.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(iv) Sebagai seorang sahabat yang baik, cara-cara yang boleh saya ambil untuk membantu rakan saya itu agar membuang tabiat buruknya dengan mensiasati mereka: supaya mereka tidak ulang membuat kesilapan yang sama. Selain itu, menunjukkan video yang menunjukkan masalah ketagihan bermian permainan video supaya dia sedar dan mengobati tidak mengungkapkan. Selain itu, memberikan tips yang senang ~~bet~~ ditikut oleh mereka.

Calon tidak memberikan isi yang cukup tetapi ayat masih gramatis.

**Soalan 7 (i)**

**Bahan 1**

**GURINDAM BULAN MENAWAN**

Apabila bulan dilihat di angkasa,  
Kalendar manusia mula dikira.

Apabila bulan mula menghilang,  
Gelitalah malam menanti siang.

Apabila bulan matahari bertemu,  
Jarang-jarang gerhana pun berlaku.

Apabila bulan ada graviti,  
Pasang dan surut laut di bumi.

Apabila bulan tiada simetri,  
Berubahlah putaran bumi di paksi.

**HAN NOE RAI**

2 Jun 2022

Putrajaya

**Bahan 2**

“Eh, apa yang kamu ceritakan ini, Mohsen? Matahari telah ditelan raksasa?” soal Lokman. Saya mengangguk-anggukkan kepala tanda setuju.

Saya pula menerangkan bahawa dalam keadaan sekarang ini, negara sedang dilanda kegelapan dan kita sudah tidak berjumpa lagi bulan di langit. Hal ini disebabkan bulan juga memerlukan cahaya matahari untuk menerangi dirinya pada waktu malam. Jika perkara ini berpanjangan, maka akan berlaku rindu pungguk yang berpanjangan terhadap bulan.

“Suhu di bumi akan terbantut. Semua makhluk akan pupus tanpa bantuan cahaya matahari itu,” tambah saya.

Dalam diam, saya berdoa semoga *musibah yang sebegini* tidak menimpa negara kita selama-lamanya.

Dipetik daripada cerpen ‘Esoknya, Matahari Muncul Kembali’  
oleh Warisan Puteri,  
*Dewan Siswa*, Bil. 09/2021

### Bahan 3

#### DI SEBALIK BULAN

Merenung langit luas  
Mentafsir kuasa hakikat dalam gugusan cakerawala  
Keinsafan pun datang bertandang  
Menyapa kerdilnya diri

Menghitung peredaran bulan  
Siang dan malam silih berganti  
Menzahirkan betapa hebatnya kuasa hakiki

**RAIHAN IMANI**

Jun 2022

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *musibah yang sebegini*.

Calon dikehendaki untuk memberikan maksud *musibah yang sebegini* berdasarkan Bahan 2 menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Berdasarkan Bahan 2, 'musibah yang sebegini' bermaksud kecelakan seperti ini.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat mengikut konteks dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Berdasarkan Bahan 2, maksud musibah yang sebegini ialah malapetaka yang sebegini.

Calon hanya memberikan sebahagian maksud frasa yang diuji secara literal.

### Soalan 7 (ii)

- (ii) Dengan merujuk semua bahan, berikan kepentingan-kepentingan cahaya matahari dan bulan.

Calon perlu memberikan **kepentingan cahaya matahari dan bulan** daripada semua bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Merujuk Bahan 1, kepentingan sangat cahaya matahari dan bulan adalah apabila bulan ada graviti, pasang dan surut di bumi. Laut di bumi. Apabila merujuk Bahan 2 pula, bulan juga memerlukan cahaya matahari untuk menerangi dirinya pada waktu malam. Selain itu, mengelakkan suhu di bumi. Manakala merujuk Bahan 3 pula dengan menghitung peredaran bulan. Akhir sekali, siang dan malam silih bergantian.

Calon dapat mengemukakan isi yang tepat dengan menyentuh semua bahan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(ii) Menjuk Bahan 1, kepentingan-kepentingan cahaya matahari dan bulan jalan kalendar manusia mula dikira apabila bulan dilihat di angkasa. Selain itu, pasang dan surut laut diwujudkan di bumi apabila bulan ada graviti. Semenarai itu, menjuk Bahan 2, suhu bumi akan terbantut dan semua makhluk akan pupus tanpa bantuan cahaya matahari itu. D) samping itu, bulan juga memerlukan cahaya matahari untuk menerangi dirinya pada waktu malam, manakala menjuk Bahan 3, dengan menghitung peredaran bulan, siang dan malam silih bergantian.

Calon tidak memberikan isi yang cukup namun ayat masih gramatis.

### **Soalan 7 (iii)**

- (iii) Satelit komunikasi di angkasa berfungsi untuk mengaktifkan alat komunikasi bagi memudahkan aktiviti harian manusia melalui pelbagai aplikasi. Namun, penyalahgunaan aplikasi yang dimuat turun semakin membimbangkan kerana mendatangkan keburukan kepada pengguna.

Pada pandangan anda, apakah keburukan-keburukan tersebut?

Calon perlu memberikan **keburukan penyalahgunaan aplikasi** kepada pengguna.

#### **Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

- iii) Pada pandangan saya, keburukan-keburukan tersebut ialah penipuan wang yang biasa dilakukan melalui aplikasi perbankan. Seterusnya, berlaku ketagihan terhadap aplikasi-aplikasi ini, ~~terutamanya~~ terutamanya dalam kalangan pelajar. Ini akan mengakibatkan prestasi pelajar merosot. Selain itu, pelbagai jenayah siber juga ~~grat~~ grat dilakukan. Contohnya, buli siber. Masalah yang lebih serius seperti pemerdayaan manusia melalui ~~dan gelap~~ juga berlaku.

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pada pendapat  
hi) ~~teknologi~~ saya, keburukan -keburukan ~~yang~~.  
penyalahgunaan aplikasi yang dimuat turun  
termasuklah menyebabkan pengguna terlalu  
tarik dengan penggunaan telefon pintar. Contohnya,  
penyalahgunaan permainan video yang dimuat turun  
di dalam telefon pintar mereka dapat menyebabkan  
ketagihan sehingga mengejaskan aktiviti harian  
mereka. Selain itu, keburutannya salah menyebabkan  
para pengguna terlalu tarik dan berlumbang-lumba  
untuk menjadi popular di media ~~sosial~~<sup>sosial</sup>. Contohnya  
penyalahgunaan aplikasi Instagram dapat  
menimbulkan perasaan iri hati ~~dalam~~ dalam kalangan  
pengguna.

Calon tidak dapat memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

#### Soalan 7 (iv)

- (iv) Pada tahun 2006, Program Angkasawan Negara Malaysia telah diperkenalkan kerana bidang ini sangat penting dalam usaha menuju negara maju. Walau bagaimanapun, minat murid sekolah dalam bidang ini dikatakan masih kurang. Selaku seorang pegawai Pusat Sains Negara, cadangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya murid berminat untuk menceburi bidang sains angkasa.

Calon perlu **menyatakan usaha-usaha yang perlu dilakukan** oleh pegawai Pusat Sains Negara untuk menarik minat murid menceburi bidang sains angkasa.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(IV) Selaku seorang pegawai Pusat Sains Negara, antara usaha yang perlu dilakukan supaya murid berminat untuk menceburi bidang sains angkasa termasuklah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Sains Negara, untuk memperkenalkan maklumat bertenaan dengan bidang sains angkasa dengan lebih teliti. Selain itu, ilmu pengetahuan tentang bidang sains angkasa perlu diterapkan sebagai elemen pembelajaran dalam kurikulum sekolah supaya murid-murid berpeluang untuk memahami bidang sains angkasa dengan lebih mendalam.

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iv) Selaku seorang pegawai Pusat Sains Negara, usaha - usaha yang perlu ~~fungsi latihan~~ dilakukan supaya murid berminat untuk menceburi bidang sains angkasa ialah mengadakan program Angkasawan Negara Malaysia di setiap sekolah. Hal ini bertujuan bagi menarik minat lebih ramai pelajar sekolah untuk menceburi bidang angkasawan.

Calon tidak memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

### **Soalan 8 (i)**

**8** Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kenapa ayah tak pernah ceritakan kepada kami perkara ini?” tanya Adnan lagi.

“Ayah sengaja merahsiakannya kerana itu adalah pesanan datuk kamu. Ayah juga berpesan kepada kamu rahsiakan perkara ini dan jangan hebahkan kepada sesiapa.”

“Kenapa pula ayah?” Adnan menggaru-garu kepala.

“Moyang kita penentang Inggeris, menjadi orang buruan penjajah. Oleh itu, ayah tak mahu orang ramai memandang serong kepada kita,” jawab Pak Saidi.

“Kenapa pula mereka memandang serong?” tanya Adnan lagi.

“Ramai yang terpengaruh akan dakyah Inggeris dengan mengatakan mereka yang menentang itu ialah penderhaka. Ada pula yang menjadi tali barut Inggeris dan mereka akan melaporkannya kepada Inggeris,” jawab Pak Saidi.

“Baru saya faham, ayah. Ceritalah lagi tentang asal-usul keturunan kita,” kata Adnan.

Dipetik daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*  
karya Abdul Latip Talib,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab ayah Adnan tidak menceritakan asal-usul keturunan mereka.

Calon perlu memberikan sebab-sebab ayah Adnan tidak menceritakan asal usul keturunan mereka berdasarkan petikan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Sebab-sebab ayah Adnan tidak menceritakan asal-usul keturunan mereka kerana itu adalah pesanan datuk Adnan ini adalah pesanan datuk kamu. Moyang penentang Inggeris, menjadi orang buruan pengajah. Oleh itu, ayah taku mahu orang ramai memandong serong kepada kita. Ramai yang terpengaruh akan duluah Inggeris dengan mencadangkan mereka yang menentang itu ialah penderhaka Moyang kita penentang Inggeris, menjadi orang buruan pengajah.

Calon dapat memberikan isi cukup dengan tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

8) i) Sebab-sebab ayah Adnan tidak menceritakan asal usul keturunam mereka kerana ianya pesanan datuk Adnan dan moyangnya penentang Inggeris yang menjadi orang buruan ke pengajah. Selain itu, ayahnya tidak mahu orang ramai memandong serong kepada mereka. Seterusnya, kerana ramai orang terpengaruh dengan duluah Inggeris dengan mengatakan mereka yang menentang itu ialah penderhaka. Tambahan pula, ada yang menjadi tali batut Inggeris dan mereka melaporkannya kepada orang Inggeris.

Calon tidak dapat memberikan isi cukup dengan tepat tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

**Soalan 8 (ii)**

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca bagi setiap novel.

Calon perlu **memberikan satu peristiwa** yang menimbulkan rasa kagum pembaca berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Saya telah mengkaji novel Di Sebalik Dinara semasa tingkatan 4 dan novel Srilir Dakisina semasa tingkatan 5. Novel Di Sebalik Dinara merupakan karya Dayang Noor manakala novel Srilir Dakisina merupakan karya Mizo Porman. Terdapat beberapa peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca bagi setiap novel.

Bagi novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang pertama ialah Farisha dan Rosman gigih bekerjasama untuk membangunkan syarikat kongsi mereka, Secured Shell Sdn Bhd sehingga berjaya mendapat faidah bernilai RM 1.5 juta daripada Soft Lab untuk menggodam tiga kelompok komputer. Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana menunjukkan seorang individu yang berjaya mengusahakan sesuatu perkara hasil daripada ~~ter~~ semangat kerjasama yang utuh.

Bagi novel Srilir Dakisina, peristiwa yang kedua ialah Walid tidak membezakan klasik sayong antara Hafizal dengan adik tirinya, Nurul Aisyah. Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana menggambarkan seseorang ayah yang ikhtisas mencurahkan kiasih sayong kepada anaknya meskipun anaknya itu merupakan anak tipi.

Bagi novel Srilir Dakisina, peristiwa yang selanjutnya ialah Tauke Ong gigih menoreh getah dan menjual hasil tanaman kampung untuk meningkatkan pendapatan keluarganya sehingga berjaya memiliki sebidang tanah yang dijadikan tapak rumahnya. Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana menunjukkan kegigihan seseorang dalam mencari sumber pendapatan untuk menyara perbelanjaan keluarga mereka.

Calon dapat memberikan satu peristiwa dan alasan yang jelas daripada setiap novel dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Berdasarkan dua buah novel yang saya pelajari ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimbasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Satu peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca bagi novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin ialah peristiwa ~~unong~~ ibu ~~unong~~ Sirong dilayan buruk oleh Felicia Landosi akan tetapi ibu ~~unong~~ Sirong tetap menolong Felicia Landosi ketika Felicia Landosi menjadi tawanan semasa doktor palsu membuat kacau di ~~PRFK~~ PRFK peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana ibu ~~unong~~ Sirong tetap berbuat baik ~~mehah~~ walaupun dilayan buruk oleh Felicia Landosi.

Manakala, satu peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca bagi novel Bimbasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop ialah peristiwa Nurul Hafsa berjanji akan kepada rombongan kanak-kanak daripada Jepun untuk mengembalikan langit gelap di Kuala Selangor tempatnya bekerja. Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana Nurul Hafsa yang sanggup berjanji untuk mengembalikan langit gelap itu walaupun dia tidak pasti janjinya itu akan menjadi kenyataan ataupun tidak.

Calon tidak dapat memberikan peristiwa dan alasan yang jelas daripada setiap novel dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### **3.2 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B**

#### **3.2.1 Calon**

- a) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- b) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- c) Mengetahui pelbagai isu semasa.
- d) Menguasai peristiwa yang terdapat dalam novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- e) Memahami kehendak soalan dengan jelas dan markah yang diperuntukkan untuk setiap soalan
- f) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.

#### **3.2.2 Guru**

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- d) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

## **4.0 PRESTASI CALON BAHAGIAN C**

### **4.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan menggunakan bahasa yang gramatis. Sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti dua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

### **4.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat menulis rumusan dengan tepat iaitu pendahuluan, lapan isi daripada dua fokus mencakupi semua bahan dan kesimpulan. Calon menggunakan ayat yang gramatis dan hanya kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih dapat menulis rumusan dengan baik dan menepati dua fokus tetapi tidak mencakupi semua bahan. Isi rumusan kurang daripada lapan, tidak lengkap tetapi masih menepati format, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum.

## Soalan 9

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

### Bahan 1

Wayang kulit ialah persembahan teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya, bayang dan patung-patung belulang dengan diiringi oleh alatan muzik. Wayang kulit telah bertapak di bumi Malaysia melebihi 1 000 tahun dahulu. Tok Dalang merupakan penggerak utama dalam persembahan ini. Namun, wayang kulit yang merupakan budaya asli dan warisan luhur bangsa ini mula dilupakan. Bilangan Tok Dalang kian berkurangan yang menyebabkan wayang kulit semakin pupus. Kini, Tok Dalang yang aktif di Malaysia cuma seramai lima orang dan mereka sudahpun berusia lebih 70 tahun. Sebagaimana yang kita ketahui, generasi muda lebih tertarik dengan permainan digital berbanding dengan menjadikan wayang kulit sebagai hiburan.

Sementara itu, penggiat seni teater boneka Malaysia mengharapkan kerajaan mewujudkan sebuah panggung wayang kulit untuk peminat serta pengamal wayang kulit menikmati seni persembahan ini. Panggung tetap ini boleh dijadikan sebagai platform untuk penggiat teater boneka berkumpul, melatih Tok Dalang Muda dan pembuat boneka wayang kulit. Tok Dalang Muda yang dilatih mestilah bijak membuat inovasi dalam persembahan mereka mengikut peredaran masa demi menarik minat generasi muda. Inovasi ini bukan sahaja melibatkan perubahan konsep dan jalan cerita, tetapi juga mencakupi watak boneka dan penggunaan props. Selain itu, penubuhan kumpulan wayang kulit memerlukan kos yang tinggi menyebabkan seni warisan ini semakin pupus. Kos tersebut melibatkan pembelian alatan muzik, patung-patung setiap watak dalam cerita dan pembinaan bangsal atau panggung.

Dalam mengekalkan seni budaya ini, promosi persembahan wayang kulit perlu dibuat secara menyeluruh. Promosi ini bukan sahaja tertumpu di kawasan pantai timur, tetapi juga di seluruh negara. Hal ini membolehkan masyarakat mendapat pengetahuan secara meluas dan mencintai seni wayang kulit agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Wayang Kulit: Seni Teater yang Perlukan Sentuhan Generasi Muda'  
oleh A. Ariffin,  
[www.benarnews.org](http://www.benarnews.org)

## Bahan 2

### WAYANG KULIT

Lantera di panggung  
telah padam  
dan kelir kian rabak  
dikoyak fahaman watan  
menganggap seni warisan ini  
ketinggalan pada arus  
kemodenan zaman.


Pohon beringin rendang  
telah tumbang  
dan patung-patung wayang  
sudah lama disemadi  
di dalam peti  
setelah ayah bonda  
menegah anak-anak mewarisi  
permainan tradisi ini.

Mari kita segera kembalikan  
kegemilangan wayang kulit  
dengan memancarkan ilmunya  
dari puncak menara gading  
dengan dokongan biaya  
daripada pihak berkuasa.

Apa harus kita ucap andai  
patung-patung wayang kulit  
tidak lagi beraksi  
di panggung tradisi.

**Murali**  
Bota Kanan, Perak.

Bahan 3



Calon dikendaki **menulis sebuah rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Rumusan membincangkan punca-punca kepupusan seni wayang kulit dan langkah-langkah mempopularkan ~~seni~~ wayang kulit.

Punca-punca kepupusan seni wayang kulit adalah bilangan Tok Dalang kian berkurangan. Selain itu, penubuhan kumpulan wayang kulit memerlukan kos yang tinggi. Seterusnya ayah bonda menegah anak-anak mewarisi permainan tradisi ini. Di samping itu, anak muda sekarang lebih tertarik dengan budaya luar seperti suka akan konser.

Langkah-langkah mempopularkan ~~seni~~ wayang kulit ialah pihak kerajaan mewujudkan sebuah panggung wayang kulit untuk peminat serta pengamal wayang kulit menikmati seni persembahan ini. Selain itu, Tok Dalang Muda yang dilatih mestilah bijak membuat inovasi dalam persembahan mereka mengikut peredaran masa. Di samping itu, pihak kerajaan promosi persembahan wayang kulit perlu dibuat secara menyeluruh oleh kerajaan serta dolongan kerajaan biaya daripada pihak berkulausa.

Kesimpulannya, seni wayang kulit wajahnya dipelihara agar dapat dinikmati ~~oleh~~ generasi akan datang. sebagai sebahagian warisan bangsa dan negara.

Calon dapat menulis rumusan dengan memberikan pendahuluan yang betul, lapan isi cukup serta menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan sesuai dengan tema, menyatakan cadangan dan kesannya. Bahasa yang digunakan gramatis dan tidak melebihi 120 patah perkataan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

q. Rumusan membincangkan usaha-usaha untuk memajukan wayang kulit dan cabaran-cabaran untuk menarik minat remaja dalam kegiatan wayang kulit.

memajukan  
Usaha untuk memajuk wayang Kulit ialah Penggiat Seni teater boneka Malaysia mengharapkan kerajuan mewujudkan sebuah panggung wayang Kulit. Selain itu, Tok Dalang Muda yang dilatih mestilah bijak membuat inovasi dalam persembahan mereka mengikut peredaran masa. Seterusnya, membolehkan masyarakat mendapat pengetahuan secara meluas dan mencintai seni wayang Kulit.

Cabaran untuk menarik minat remaja dalam kegiatan wayang Kulit ialah generasi muda lebih tertarik dengan permainan digital berbanding dengan menjadikan wayang Kulit sebagai hiburan. Selain itu, patung-patung wayang Kulit tidak lagi beraksara selepas itu, anak muda sekarang lebih tertarik dengan budaya luar seperti suka, akan konsert. Seterusnya, Tok Dalang kian berkurangan yang menyebabkan wayang Kulit semakin pupus.

Kesimpulannya, wayang Kulit haruslah dimajukan agar Seni warisan ini dapat dikenalkan kepada generasi Seterusnya.

Calon tidak dapat menulis pendahuluan rumusan dengan tepat. Isi tidak cukup dan tidak menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan hanya berupa cadangan sahaja. Bahasa yang digunakan masih gramatis. Jumlah perkataan melebihi 120 patah perkataan.

## **4.2 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN C**

### **4.2.1 Calon**

- a) Menguasai kemahiran membaca dan menganalisis pelbagai bahan.
- b) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pelbagai isu semasa.
- c) Menguasai teknik penulisan rumusan yang betul.
- d) Membezakan isi dan huriaian dalam bahan yang diuji.
- e) Memperbanyakkan latihan rumusan untuk mengesan fokus.

### **4.2.2 Guru**

- a) Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar.
- b) Meningkatkan kemahiran membina item yang standard mengikut format SPM.
- c) Menguasai kemahiran memeriksa jawapan rumusan dengan betul.
- d) Meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca pelbagai sumber bahan bacaan.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

# *Penghargaan*

**PENGERUSI:**  
**ENCIK BASRI BIN HASSAN**

**URUS SETIA:**  
**PUAN HABIDAH@ABIDAH BINTI IBRAHIM**  
**DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**  
**DR. JAIN BIN CHEE**  
**PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN**  
**PUAN ZALIHA BINTI MOHAMAD**

**EDITOR:**  
**ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN**  
**PUAN NORAZAH BINTI BIDI**  
**PUAN NORHATINI BINTI SHAARI**  
**PUAN FAIZAH BINTI SAMAD**  
**ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS**  
**ENCIK MAHADI BIN MAHMOD**  
**PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE**  
**PUAN TAN SHAN XI**  
**PUAN ALFIAH BINTI SALIM**  
**ENCIK MOHD NOR FAIZALL BIN AMIR**

**PANEL PENULIS:**  
**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1**  
**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1**  
**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2**  
**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1**  
**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2**